

Headline	Penghidap HIV/Aids terima zakat		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	01 Dec 2012	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	50	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	47 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 969
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,907



## Penghidap HIV/Aids terima zakat

**S**HAH ALAM: Penghidap HIV/Aids beragama Islam di Selangor menerima zakat di bawah asnaf al-Riqab sejak 2010.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Datuk Mohd Adzib Mohd Isa berkata, ia merujuk Resolusi Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/Aids menyatakan penghidap beragama Islam di negara ini layak menerima zakat.

“Pada April 2012, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Selangor menyenaraikan penerima agihan asnaf Al-Riqab melalui perantaraan institusi, badan bukan kerajaan (NGO) Islam dan individu,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Dr Mashitah Ibrahim yang meminta kerajaan negeri pertimbang pemberian zakat mereka.